

12 JUN 2002

Mahathir-Switzerland/I

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN HASIL LAWATAN KE SWITZERLAND

Oleh: Mahrus Ibrahim

GENEVA, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan rasmi tiga hari beliau ke Switzerland malam tadi dengan mengadakan perjumpaan dengan lebih 150 anggota Persatuan Malaysia Geneva yang baru ditubuhkan.

Perjumpaan selama dua jam di sebuah hotel di sini turut dihadiri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn dan anggota delegasi Malaysia ke sesi ke-90 Persidangan Buruh Antarabangsa yang sedang diadakan di sini.

Masakan keistimewaan Malaysia seperti mee goreng, murtabak dan kuih seri muka adalah antara kuih muih yang dihidangkan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menasihatkan rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara agar memainkan peranan sebagai duta kehormat bagi mempromosikan negara.

"Walaupun sesetengah daripada anda mungkin telah menukar kewarganegaraan anda atas sebab tertentu, saya yakin Malaysia masih berada di hati anda," katanya.

Dr Mahathir berkata Switzerland agak serupa dengan Malaysia kerana penduduknya juga terdiri daripada berbilang kaum dan dapat hidup dengan aman damai bersama-sama.

Malahan, Perdana Menteri berkata beliau menggunakan Switzerland sebagai contoh sebuah negara berbilang kaum yang aman damai semasa beliau menulis bukunya, *The Malay Dilemma*.

Beliau berkata keamanan seumpama itu hanya dapat dicapai jika rakyatnya sanggup berkongsi kekayaan negara.

Dr Mahathir berkata tidak terdapat banyak negara di dunia yang rakyatnya menikmati keamanan seumpama itu seperti di Malaysia.

"Kita ingin mengekalkan keamanan seumpama itu," katanya.

Dalam satu sidang media di hotel penginapannya sebelum itu, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan hasil lawatannya ke Switzerland.

Katanya Switzerland menyatakan kesediaan untuk meningkatkan kerjasama dengan Malaysia antara lain dalam memberikan maklumat dalam siasatan berhubung dakwaan penyelewengan dalam syarikat pengeluaran keluli Perwaja Steel.

Terdapat laporan sebelum ini bahawa Badan Pencegah Rasuah menghadapi kesulitan dalam siasatannya berhubung kes itu kerana pihak berkuasa Switzerland enggan memberikan kerjasama.

Dr Mahathir berkata beliau juga berbangga dengan kemampuan sekumpulan jurutera muda Malaysia yang terlibat dengan tugas reka bentuk enjin hasil kerjasama Petronas dan Sauber di negara ini.

Mereka sudah sampai ke tahap hingga boleh menghasilkan enjin motosikal berkuasa 900 cc, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mampu menjadi pengeluar enjin kereta sendiri.

"Tetapi, untuk mencapai economies of scale (imbangan ekonomi), kita perlu mengeluarkan antara 400,000 hingga 500,000 unit," katanya.

Dalam lawatannya itu, Dr Mahathir telah melawat kilang Petronas Sauber di Hinwill.

Atur cara lain termasuk berbincang dengan Presiden Switzerland, Kaspar Villinger, selain berucap pada sesi ke-90 Persidangan Buruh Antarabangsa serta menemui tokoh-tokoh perniagaan terkemuka.

Beliau kemudian berlepas ke Luxembourg yang berjiran dengan Switzerland untuk lawatan dua hari.

-- BERNAMA

MAI RHM